

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan orang yang kehilangan kerja mengikut pecahan setiap PKP berdasarkan tarikh PKP tersebut sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, jumlah kehilangan pekerjaan mengikut pecahan tarikh tempoh PKP adalah seperti berikut:

- i. Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 (PKP 1.0) bagi tempoh 18 Mac 2020 sehingga 3 Mei 2020 adalah seramai 8,721 pekerja yang kehilangan pekerjaan;
- ii. Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) yang dilaksanakan pada 13 Januari 2021 sehingga 18 Februari 2021 telah merekodkan kehilangan pekerjaan seramai 9,098 pekerja; dan
- iii. Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) yang dilaksanakan daripada 7 Mei 2021 hingga 15 Jun 2021 adalah seramai 5,880 pekerja yang kehilangan pekerjaan.